



Kelantan Golden Trade Sdn. Bhd.

www.dinarkel.com



Kembalinya MATAWANG SYARIAH Di Abad Ini

Oleh: Nik Mahani Mohamad
nikmahani@dinarkel.com

**KENAPA KELANTAN GOLDEN TRADE (KGT) MENGGUNAKAN ISTILAH 'MATAWANG SYARIAH'?
SIAPA YANG MENAMAKAN DINAR & DIRHAM KELANTAN 'MATAWANG SYARIAH'?**

Bahagian 5

Sambungan dari keluaran lepas...

Jawapan soalan kedua: Maksud keberatan satu dirham ialah bersamaan dengan 7/10 mithqal bermakna – jika satu (1) mithqal ialah keberatan 4.25 gram; maka keberatan koin satu (1) dirham ialah 2.975 gram.

Inilah yang menjadi perbezaan besar antara 'matawang Syariah' dan 'matawang kertas'. Oleh kerana 'matawang Syariah' adalah keberatan timbangan bukan 'nilai' logam; maka inilah juga sebab mengapa 'matawang Syariah' adalah yang paling stabil dalam penggunaannya.

Cuba perhatikan betapa Maha Agungnya Allah SWT dan betapa besar rahmatnya Islam ini sebagai *Deenul Islam* kepada umat manusia sejagat.

Daripada aspek ini sahaja pun kita dapat melihat betapa besarnya perbezaan antara 'matawang Syariah' dengan 'matawang kertas'. Bila 'harga' adalah dibayar dengan 'keberatan logam' bukan 'harga' logam maka 'nilai' pada barangan menjadi stabil.

Contohnya 'harga' seekor ayam ialah satu dirham; maka 'nilai' harga ayam adalah tetap satu dirham tidak kira harga

logam itu meningkat atau menurun! Ini bermakna mithqal 'harga' logam terus naik dipasaran 'harga' ayam akan terus kekal sebagai satu dirham!

Persoalan bahawa buat masa ini 'harga' sekeping dinar atau dirham akan naik bila 'harga' logam emas dan perak naik adalah disebabkan masyarakat kita hari ini masih dalam system ekonomi Kapitalis.

Hakikat sebenarnya terjadi ialah: apabila harga logam emas dan perak naik; ini bermakna 'matawang kertas' Negara semakin hilang 'kuasa pembeliannya'. Sebab itulah harga dinar dan dirham semakin hari semakin naik harganya (walaupun ada terkadang kadang harganya turun tetapi dalam jangkamasa beberapa tahun kebelakangan ini purata harga kedua-dua logam ini naik dengan sebegitu ketara sekali).

Ini sebenarnya bermakna semakin hari 'kuasa pembelian' pada wang-wang kertas semakin hilang 'kuasa pembeliannya' dan sebaliknya harga koin-koin dinar dan dirham semakin mengukuh. Sebab itulah boleh di rumuskan bahawa: Matawang Syariah adalah pembela nasib rakyat jelata diabad ini.

Betapa tidaknya – harga satu (1) dinar pada masa pelancaran 12hb Ogos 2010 ialah RM 581 dan sekarang ialah RM700+; sementara dirham pula mengalami kenaikan yang sebegitu besar dari harga RM13 sekarang hingga ke tahap RM30!

Harga pada logam emas dan perak masakini adalah menjadi mainan manipulasi kaum kuffar di luar kawalan kita dipasaran dunia.

Kesemua harga bahan-bahan komoditi; bukan sahaja terhad kepada logam emas dan perak sahaja adalah tertakluk kepada pementaan 'mereka' dan adalah sukar difahami.

Walaubagaimanapun, cuba bayangkan bila negara kita berada pada suatu sistem ekonomi sebenar atau 'real wealth economy' berbanding pada masa kini di mana kita berada pada suatu sistem ekonomi yang berasaskan kredit atau 'economy based on credit'.

Pada masa tersebut; semua rakyat hanya menggunakan wang-wang Syariah dan semua barangan kedai –kedai hanya akan mempamerkan dengan harga dinar, dirham dan fulus (*satu lagi koin yang belum lagi diedarkan buat masa ini*).

Pada masa tersebut tentunya masyarakat tidak lagi mahu bertanyakan 'harga' satu dinar dan satu dirham pada matawang kertas bukannya?

Memadai dengan harga barangan sahaja pada dinar, dirham dan fulus tanpa perlu dipamerkan harga dalam matawang kertas.

Sebagai contoh, perkara ini samalah keadaannya dengan kita yang sedang gunakan Ringgit Malaysia (RM) pada masakini. Apakah kita senantiasa membandingkan setiap RM dengan harga US\$?

Tentunya tidak! Kita hanya akan membuat perbandingan sekiranya contohnya kita mahu keluar negara seperti ingin membeli US\$ sebab nak pergi umrah atau melaku-

kan Haji ke Mekah sahaja. Tetapi, pada masa tersebut; Insya Allah mungkin sudah dapat kita adakan kad-kad debit dinar & dirham sudah ada (*semua ini dalam perancangan KGT*) selain daripada koin-koin dinar dan dirham; maka anda tidak perlu pun membawa wang-wang kertas US\$ atau Saudi Rial ke sana, Insya Allah.

Koin-koin dinar & dirham memadai dibawa kerana ia adalah 'matawang Syariah' yang menyatukan ummah Insya Allah!

Soalan Ketiga yang menanyakan mengapa 'matawang Syaariaah' berasaskan keberatan dan bukan 'nilai' atau 'harga' logam? Jawapannya akan dikupas pada bahagian akan datang.

Bersambung...

ACARA TERBUKA Jemputan Ke **MASUK PERCUMA**

DINIHARI DINAR

Mengenal Matawang Syariah
Kegunaan Dinar Emas dan Dirham Perak
Mulakan Muamalat Halal

Pada: 16 Julai 2011 (Sabtu) ; 10 Pagi - 1 Petang
Di: Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Bukit Damansara, Kuala Lumpur

Senarai Wakalah Utama:



NUBEX VENTURE SDN BHD: KOPERASI MUNAWARRAH KEDAH BERHAD (Kedah, Lembah Klang) 0194365763 • PELANGI JEWEL (Selangor) 0126737352 • NUBEX SDN BHD (Damansara) 0377299640 • AZRI (Lembah Klang) 0132200030 • AHMAD FIRDAUS (Kemping) 0126986155 • ENGGU AHMAD FAISAL (Lembah Klang) 0163343284 • IZZUDDIN SHAH (Lembah Klang) 0122929900 • MOHD HALMI IBRAHIM (Perak) 0125065775 • HJ AWALUDIN (Damansara) 0192183317 • MOHD IZWADI (Damansara) 0126961906 • MUNA MUNIRAH (Ampang) 0176223520 **SAHABAT EMAS SDN BHD:** MHD NASSER (Kubang Kerian) 0199122152 • ARIFF (Wakaf Stan) 0199126235 • AHMAD FAUWAZ (Nilam Puri) 0145305341 • NIK AHMAD KAMIL (Pasir Putih) 0139286437 • MAT NASIR (Kota Bharu) 0199394839 • CHE RADZUAN (Kubang Kerian) 0193258257 • ROMZI (Kedai Lalat) 0199409154 • NORDIN (Tanah Merah) 0139338394 • WAN MOHAMMAD FADHIL (Tumpat) 0199889770 • FAUZI (Kota Bharu) 0199884851 • MOHD AZDIHAR (Kota Bharu) 0173788676 **SAUDAGAR EMAS SDN BHD:** Hanusi (Serdang Jaya) 0173249009 • Rosiatapati (Bdr. Tasik Permaisuri) 0133831200 • Nor Hayati (Shah Alam) 0123850975 • Zuridan (Kg. Pandan) 0173069707 • Nor Hanis (Keramat) 0173094080 • Mahathir (Ampang) 0133437735 • Sharliana (Ampang) 0133944220 • Mohd Izwadi (Serdang) 0105258079 • Mohd Rizal (Kajang) 0126480604 • Norazilah Md Isa (Putrajaya) 0126058393 • Ahmad Tarmizi (Ipoh) 0149050454 • Luqman Al Hakim (Sintok) 0174151143 **BAYU MELAWI SDN BHD:** Noorizan (Alor Setar) 0134301030 • Ibrahim (Johor Bahru) 0164225448 • Harry (Kota Bharu) 0199413395 • Suriani (Pasir Mas) 0199830856 • Wan Eika (Kuala Lumpur) 0173559180 • Shahril (Kuantan) 0135043649 • Ismail (Kok Lanas) 0199898965 • Azhar 0129011422 (Kelantan) **KOPERASI WANITA ISLAM:** Shidah (Kuala Krai) 0139284133 • Hazimah (Kota Bharu) 0169284686 • Afifah (Kota Bharu) 0179652048 • Ubai (Kota Bharu) 0169806000 • Khalid (Kota Bharu) 0199691616 • Yan (Kota Bharu) 0199173232 • Amin (Kota Bharu) 0199133093 • Nazrah (Tanah Merah) 0148499565 **PERMODALAN KELANTAN BERHAD (Kota Bharu)** 09-741 4343 • **MENARA SAUJANA SDN BHD:** Jafri Ab. Latif (Kota Bharu, Lembah Klang) 0192632475 **AIRBORNE DISCOVERY SDN BHD (Shah Alam)** 0123998496.



World Islamic Mint